

## Miskonsepsi Terhadap Topik *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* dalam Pembelajaran Bahasa Arab

*Nurul Huda Hassan*  
*nurulhuda2012@gmail.com*

*Nik Mohd Rahimi Nik Yusof*  
*nrahimi@ukm.my*

*Kamarulzaman Abdul Ghani*  
*elqamar.ghani@gmail.com*  
*Fakulti Pendidikan*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Asbraf Ismail*  
*asbrafismail67@yahoo.com*  
*Fakulti Pengajian Islam*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

*Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* merupakan satu topik yang unik dan menarik. Keunikan topik ini dilihat kepada konsepnya yang sangat berbeza dengan topik-topik nahu yang lain. *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* juga dikatakan suatu topik yang paling sukar untuk disampaikan kepada pelajar. *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* juga sering menjadi perbincangan dan isu dalam kalangan pendidik bahasa Arab di pelbagai institusi pendidikan. Dalam proses pembelajaran, pelajar pula sering melakukan kesilapan kerana salah memahami konsep *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* serta operasinya. Sekalipun topik ini dianggap sukar dan mengelirukan namun ia merupakan asas bahasa yang sangat penting dalam Bahasa Arab. Pendidik bahasa Arab daripada pelbagai peringkat institusi pengajian yang terlibat dalam pengajaran topik *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* ini perlu mengenal pasti apakah miskonsepsi yang berlaku dalam proses pembelajaran. Mereka juga perlu mencari teknik atau kaedah bagaimana untuk mempermudah pengajaran topik tersebut sehingga pelajar dapat menerima dan memahaminya dengan mudah. Oleh itu, persoalan yang menjadi fokus dalam perbincangan ini ialah konsep dan operasi *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* dan miskonsepsi yang berlaku apabila mempelajari topik *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* dalam kalangan pelajar.

**Kata Kunci:** miskonsepsi, nahu, *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd*

### ABSTRACT

*Ism Al-Adad Wa Al- Al-Ma'dud* is a unique and interesting topic. The uniqueness of this topic is due to its concept that is very different compared to other topics in Arabic grammar. *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* is also said to be the most difficult topic to be delivered to student. It has always been an issue debated among Arabic language educators in various educational institutions. In the learning process, students often make mistakes due to lack of understanding of *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd*'s concept and operation. Although this topic is considered difficult and confusing, it is a very important foundation in Arabic language. Arabic language educators from all levels of educational institutions

*involved in the teaching of Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd, should identify the misconceptions that occur in the learning process. They also need to find techniques or methods to facilitate the teaching of this topic so that students are able to comprehend it easily. Therefore, the focus in this discussion is on the concept and operation of Ism Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd and the misconceptions that occur among students when studying this topic.*

**Keywords:** misconceptions, Arabic grammar, *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd*

## PENDAHULUAN

Pengajaran dan pembelajaran dalam ilmu nahu Arab sangat berbeza dengan mata pelajaran lain. Perbezaan ilmu nahu Arab berbanding ilmu lain ialah apabila melibatkan kaedah nahu yang sangat luas dan kemahiran yang menyeluruh. Kemahiran yang menyeluruh bagi ilmu nahu Arab ialah penguasaan bahasa Arab yang fasih, kefahaman yang mendalam, kekuatan daya pemikiran untuk menghafal dan mengingat serta kreativiti yang tinggi. Ilmu nahu Arab juga adalah suatu disiplin ilmu yang memerlukan kefahaman mendalam tentang sesuatu konsep serta kaedah nahu yang begitu kompleks. Lantaran itu, setiap pendidik bahasa Arab mestilah bertanggungjawab mengekalkan kompetensi dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran ilmu nahu Arab dengan mengambil kira keperluan dan tahap pencapaian para pelajar. Pelajar yang mempelajari ilmu nahu Arab serta guru yang mengajar subjek tersebut merupakan satu semi masyarakat di dalam kelas dan bahasa Arab yang digunakan pula merupakan satu sistem yang menghubungkan mereka antara satu sama lain (Hadidi, 2007). Oleh itu, sebarang masalah pembelajaran ilmu nahu yang ditimbulkan oleh pelajar hendaklah dipandang positif dan ditangani dengan bijaksana demi memelihara keindahan dan kefasihan bahasa Arab itu sendiri. Bahasa Arab adalah seindah-indah dan semulia-mulia bahasa yang telah diciptakan oleh Allah s.w.t. kepada umat manusia di muka bumi ini. Al-Quran yang diturunkan oleh Allah melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s. kepada nabi Muhammad s.a.w. mengandungi sejuta macam ilmu yang melibatkan semua aspek kehidupan termasuklah ilmu nahu. Namun begitu, miskonsepsi atau kesilapan konsep dalam penggunaan nahu sama ada pertuturan mahupun penulisan merupakan perkara yang biasa berlaku ketika proses pengajaran dan pembelajaran misalnya miskonsepsi ketika mempelajari topik *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd*.

## PERNYATAAN MASALAH

Menurut Jassem (2000) pelajar-pelajar Melayu di Malaysia yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua selalunya menghadapi kesukaran ketika mempelajari *maharat al-ʿarbaʿ* (kemahiran yang empat) iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Antara kemahiran yang dikatakan paling sukar dan paling banyak berlaku kesalahan dan kesilapan aspek nahu dalam kalangan pelajar ialah *mahārah al-kitābah* (kemahiran menulis). Hal ini berdasarkan kajian analisis kesalahan dan kesilapan aplikasi nahu daripada berbagai-bagai aspek yang dilakukan dalam berbagai-bagai peringkat sama ada, di peringkat menengah atau di pusat-pusat pengajian tinggi (Mohd Bakhit, 1998; Jassem 2000; Hanizam, 2005). Kesalahan nahu yang paling banyak dilakukan ialah kesalahan daripada aspek gender dan bilangan, sama ada berkaitan dengan tanda-tanda fleksi bagi gender dan bilangan atau berkaitan pembentukan frasa dan ayat yang ada kaitan dengan persamaan aspek gender dan bilangan atau berlawanan aspek gender dan berlainan bilangan (Norhayati, 2009). Mohd Bakhit (1998) apabila menganalisis kesalahan dan kesilapan nahu dalam peperiksaan pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi tempatan mendapati kesalahan yang berlaku berulang-ulang kali di dalam peperiksaan yang

melibatkan penulisan esei ialah *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* selain terdapat kesalahan-kesalahan nahu yang lain.

Norhayati (2009) menyatakan bahawa tajuk nahu yang paling sukar bagi guru bahasa Arab untuk disampaikan kepada pelajar-pelajarnya ialah العدد والمعدود iaitu kata bilangan (عدد) dan kata yang dibilang (معدود). Hal ini disebabkan cara menentukan gender kata bilangan (عدد) sangat bergantung kepada gender kata yang dibilang (معدود). Misalnya bagi kata bilangan yang melibatkan satu dan dua gendernya adalah sama iaitu *muzakkar* dan *muzakkar* serta *muannath* dan *muannath*. Kata bilangan yang selain daripada satu dan dua pula gendernya adalah berlawanan iaitu muzakkar dengan *muannath* dan *muannath* dengan muzakkar. Mohamad (2010) pula dalam kajiannya juga mendapati bahawa *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* adalah antara tajuk yang sangat mengelirukan pelajar. Justeru itu pelajar sering melakukan kesilapan konsep disebabkan kekeliruan. Kekeliruan yang dimaksudkan itu antaranya ialah dalam menentukan padanan *al-ʿadad* dengan *al-maʿdūd* yang sesuai, perubahan baris akhir atau *ʾrāb*, penggunaan *al-maʿdūd* yang sepadan, sama ada kata nama tunggal atau kata nama *jamaʿ*. Selain itu, pelajar juga keliru dengan fungsi *al-maʿdūd* sama ada *al-naʿat* atau *muḍāf ilaih* atau *al-tamyīz*. Pelajar juga keliru dengan jenis-jenis *al-ʿadad* termasuklah dalam menentukan penggunaan *al-ʿadad al-aṣlī* dan *al-ʿadad al-tartībī* dalam penulisan (Mohamad, 2010).

Sehubungan itu, proses pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Arab menjadi agak sukar terutamanya ketika membuat perbandingan antara *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* dengan penjodoh bilangan nahu bahasa Melayu secara yang lebih tepat kerana antara kedua-duanya terdapat banyak perbezaan daripada persamaan (Ab.Halim, 2002). Hal ini disebabkan oleh sistem sintaksis nahu Arab yang sangat kompleks kerana terdapatnya perubahan di akhir perkataan iaitu perubahan pada baris akhir. Perubahan di akhir perkataan dalam bahasa Arab disebut sebagai *ʾrāb* (kasus) yang kadang kala menjadi *marfūʿ* (nominatif), *mansūb* (akusatif) atau *majrūr* (genitif). Demikianlah juga apa yang berlaku dalam *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* kerana kepelbagaian *ʾrāb* atau kasus ini dipengaruhi oleh *al-ʿadad* itu sendiri serta kedudukannya di dalam sesuatu ayat (Baharuddin 2003).

*Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* adalah antara tajuk yang paling sukar tetapi sangat penting kerana ia merupakan salah satu struktur bahasa yang sering digunakan dalam pertuturan dan penulisan (Nagla, 2007). Sesetengah pengkaji menyatakan bahawa tajuk ini begitu menakjubkan kerana ia melibatkan hukum yang berlawanan daripada kebiasaan iaitu *muannath* digandingkan dengan *mudhakkar* dan *mudhakkar* digandingkan dengan *muannath* (Mahmud 2007). Bahkan ada pula *muannath* bergandingan dengan *muannath* dan *mudhakkar* bergandingan dengan *mudhakkar*. Faruk (2007) pula menyatakan bahawa mempelajari atau mengajar *al-ʿadad al-aṣlī* sangat sukar dan rumit sehinggakan penutur natif bahasa Arab juga boleh melakukan kesilapan. Bukan itu sahaja Faruk (2007) juga menyatakan bahawa *al-ʿadad al-aṣlī* berbeza dengan bilangan yang terdapat di dalam bahasa Inggeris. Namun begitu, di dalam nahu Arab *ʿadad* merupakan kata nama dan bukan kata adjektif seperti yang terdapat di dalam bahasa Inggeris.

Disebabkan kekeliruan, kesukaran serta miskonsepsi pelajar terhadap *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* ini, maka Zabiyyah (2002) menyarankan agar pendidik bahasa Arab menguasai dan memahami konsep serta operasi topik tersebut dengan baik di samping dapat mengaplikasikan pelbagai teknik semasa pengajaran dan pembelajaran agar pelajar dapat memahami topik tersebut dengan lebih mudah dan efektif.

## KONSEP DAN OPERASI ISM AL-‘ADAD WA AL-MA’DUD

*Al-‘Adad* adalah sesuatu yang menunjukkan bilangan satu, dua, tiga dan seterusnya. *Al-Ma’dud* pula menunjukkan “sesuatu” yang dihitung (Dayf, 1986). Ahmad (2001) mentakrifkan *al-‘adad* ialah nama yang menunjukkan kuantiti sesuatu benda yang boleh dibilang. *Al-‘Adad* terbahagi kepada dua bahagian iaitu *al-‘adad al-aṣlī* dan *al al-‘adad al-tartībī*. *Al-‘adad al-aṣlī* ialah واحد اثنان ثلاث أربع خمس dan seterusnya sementara *al al-‘adad al-tartībī* pula seperti الثالث الرابع الخامس الأول الثاني dan seterusnya. *Al-‘Adad* juga terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu *al-‘adad al-mufrād*, *al-‘adad al-murokkab*, *al- ma’tūf*, dan *lafz al-‘uqud* sepertimana berikut:

1. Dalam bentuk *mufrad* dengan kedudukan *ma’dūd man’ūt* dan *isim ‘adad* sebagai *na’at*. *Isim ‘adad* ini adalah untuk bilangan 1 dan 2 (*al-‘adad al-mufrad*). Misalnya:

في الغرفة طفل واحد وطفلة واحدة و خارج الغرفة طفلان اثنان وطفلتان اثنتان

2. Dalam bentuk susunan *iḍāfah* dengan kedudukan *ma’dūd* sebagai *muḍāf ilaih* dan *isim ‘adad* sebagai *muḍāfnya*. *Isim ‘adad* ini adalah untuk bilangan 3 hingga 10 (*al-‘adad al-mufrad*). Misalnya:

قرأت ثلاث قصص وأربعة كتب

3. Dalam bentuk susunan *muḍāf* dan *muḍāf ilaih* dengan kedudukan *ma’dūd* sebagai *tamyīz*. *Isim ‘adad* ini adalah untuk bilangan 11 hingga 19 (*al-‘adad al-murakkab*):

ركب الطائرة أحد عشر سائحًا واثنتا عشرة سائحة  
اشترك في الرحلة اثنا عشر طالبًا وإحدى عشرة طالبة  
في الفصل ثلاث عشرة طالبة وأربعة عشر طالبًا

4. Dalam bentuk *mulḥaq jama’ mudhakkar sālim* dengan kedudukan *ma’dūd* sebagai *tamyīz*. *Isim al-‘adad* ini adalah untuk bilangan puluhan 20 hingga 90 (*lafz al-‘uqud*).

جاء عشرون طالبًا وثلاثون طالبة  
قرأت خمسين كتابًا وسبعين مجلة

5. Dalam bentuk susunan *‘ataf* dan *ma’tūf* dengan kedudukan *ma’dūd* tetap sebagai *tamyīz*. *Isim al-‘adad* ini untuk bilangan puluhan antara 21 hingga 99 (*al-‘adad al-ma’tūf*). Misalnya:

في الحقيبة واحد وعشرون كتابًا وإحدى وعشرون مجلة  
على المكتب تسع وثمانون قصة وخمسة وخمسون كتابًا

6. Dalam susunan *idafat* dengan kedudukan *ma’dūd* sebagai *muḍāf ilaih* atau boleh jadi *muḍāf* dan *muḍāf ilaih* sekali. *Isim al-‘adad* ini untuk bilangan 100 ke atas seperti:

ومئتان امرأة جاء مائة رجل  
جاء عشرون ألف رجل وخمسون ألف امرأة

Berhubung dengan *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* juga terdapat beberapa konsep yang mengelirukan pelajar khususnya yang melibatkan fungsi *ʿadad* dengan berbagai jenisnya dan *maʿdūd* (Muhammad Fahmi 2003). Tidak semua bilangan ditentukan oleh satu peraturan, namun pada umumnya ia dianggap sebagai kata benda yang dapat *ditasrifkan* kerana *harakat* atau baris akhirnya berubah sesuai dengan kasusnya atau *iʿrābnya* (ʿAbdullah ʿAbbas 1995) sebagaimana Jadual 1:

Jadual 1 Kedudukan *Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* dalam *iʿrāb*

العدد	مرفوع	منصوب	مجرور
عدد مفرد من 2-1	• جاء ولدٌ واحدٌ	• رأيت ولداً واحداً	• مررت أمام ولدٍ واحدٍ
	• جاءت بنتٌ واحدةٌ	• رأيت بنتاً واحدةً	• مررت أمام بنتٍ واحدةٍ
	• جاء ولدان اثنتان	• رأيت ولدين اثنتين	• مررت أمام ولدين اثنتين
	• جاءت بنتان اثنتان	• رأيت بنتين اثنتين	• مررت أمام بنتين اثنتين
عدد مركب من 11-12	• جاء أحد عشر ولداً	• رأيت أحد عشر ولداً	• مررت أمام أحد عشر ولداً
	• جاءت إحدى عشرة بنتاً	• رأيت إحدى عشرة بنتاً	• مررت أمام إحدى عشرة بنتاً
	• جاء اثنا عشر ولداً	• رأيت اثني عشر ولداً	• مررت أمام اثني عشر ولداً
	• جاءت اثنتا عشرة بنتاً	• رأيت اثنتي عشرة بنتاً	• مررت أمام اثنتي عشرة بنتاً
عدد معطوف من 21-22 31-32 حتى 91-92	• جاء واحد وعشرون ولداً		• مررت أمام واحدٍ وعشرين ولداً
	• جاءت واحدة وعشرون بنتاً		• مررت أمام واحدةٍ وعشرين بنتاً
	• جاء اثنان وعشرون ولداً		• مررت أمام اثنين وعشرين ولداً
	• جاءت اثنتان وعشرون بنتاً		• مررت أمام اثنتين وعشرين بنتاً
	• جاء واحد وثلاثون ولداً		• مررت أمام واحدٍ وثلاثين ولداً
	• جاءت واحدة وثلاثون بنتاً		

Berdasarkan contoh-contoh dalam Jadual 1, kata bilangan satu dan dua hendaklah sentiasa sama dengan kata yang dibilang dari segi gender dan bilangan. Jika *ʿadad mudhakkar* maka *maʿdūd* juga *mudhakkar*. Jika *ʿadad muannath* maka *maʿdūd* juga *muannath* (Hamdi 1998). Fuad (1973), dalam kitabnya *Al-Mulakhas fi Al-Qawā'id Al-Nahwiyah* juga menjelaskan bahawa bilangan satu dan dua hendaklah sentiasa sama dengan kata yang dibilang dari segi gender dan bilangan, sama ada kedua-dua kata bilangan ini berbentuk kata tunggal (*mufrad*), frasa (*murakkab*) atau frasa gabungan (*maʿtūf*).

Pengetahuan isi kandungan yang luas tentang konsep *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* digabungkan dengan pengetahuan pedagogi yang mantap membolehkan seseorang pendidik bahasa Arab merealisasikan sesuatu kurikulum bahasa Arab sehingga berjaya mencapai matlamat serta sasaran yang diharapkan. Pendidik bahasa Arab yang mempunyai pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) tentang konsep *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* dapat menangani sebarang miskonsepsi yang berlaku dalam kalangan pelajar dengan baik dan berkesan.

### MISKONSEPSI PELAJAR TERHADAP ISM AL-ʿADAD WA AL-MAʿDUD

Pendidik bahasa Arab yang bijak dapat mengenal pasti beberapa bentuk dan punca kesilapan yang dilakukan pelajar berkaitan *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd*. Kesilapan konsep atau miskonsepsi yang berlaku dalam kalangan pelajar adalah disebabkan kaedah pengajaran guru (Mohammad *et al.*, 2002). Hal ini menunjukkan bahawa guru juga berperanan kepada berlakunya miskonsepsi dalam kalangan pelajar (Zaliha, 2008). Kesilapan konsep atau miskonsepsi yang biasa berlaku dalam pembelajaran *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* pula ialah konsep *al-ʿadad al-murakkab* (Mahmud Ramadhan, 2007). Dalam hal ini pelajar seringkali bertukar-tukar antara konsep dan operasi *al-ʿadad al-murakkab* dengan *al-ʿadad al-mufrad* dan terkeliru apabila mempelajari *al-ʿadad al-murakkab* terutama semasa membina *jumlah* atau ayat yang berkaitan. Ini berpunca daripada konsep *al-ʿadad al-murakkab* yang tidak difahami atau dikuasai sepenuhnya oleh pelajar. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan diperjelaskan terlebih dahulu bahawa *al-ʿadad al-murakkab* ialah *ʿadad* 1 hingga 9 yang digandingkan dengan bilangan *عشر* atau *عشرة* hingga menghasilkan nombor belas seperti 11, 12, 13 hingga 19 (Mahmud, 2008). *al-ʿadad al-murakkab* ini juga mempunyai dua bahagian atau yang berlawanan dari segi gender *الجزءان mudhakkar* dan *muannathnya* melainkan 11 dan 12 kedua-dua bahagian adalah sama dari segi *mudhakkar* dan *muannathnya* seperti yang berikut:

واحد + عشر = أحد عشر / واحدة + عشرة = إحدى عشرة / اثنان + عشر = اثنتان + عشرة = اثنتا عشرة / ثلاث + عشرة = ثلاث عشرة / ثلاثة + عشر = ثلاثة عشر / تسع + عشرة = تسعة عشر .

Walaupun bagaimanapun menurut Mahmud (2008) pelajar sering kali melakukan kesilapan konsep atau miskonsepsi terutama gandingan pada bahagian kedua (الجزء الثاني) dalam *al-ʿadad al-murakkab*. Sebagai contoh, pelajar sering meletakkan *عشرة* menjadi *عشر* *ثلاث* begitulah sebaliknya terutamanya apabila membina ayat, begitu juga dengan *maʿdūdnya* seringkali berlaku kesilapan menggandingkan *maʿdūd* yang berlawanan dengan *ʿadad* dari aspek gender *mudhakkar* dan *muannathnya* seperti ayat رأيت ثلاث عشر ولدا sepatutnya رأيت ثلاثة عشر ولدا. Pelajar juga menjama'kan *maʿdūd* sedangkan jika bilangan 11 ke atas *maʿdūdnya* mesti dimufradkan kasusnya pula adalah *manṣūb* sebagaimana contoh *maʿdūd mufrad manṣūb* yang terdapat dalam surah Yusuf ayat 4:

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ ﴿٤﴾

Maksud: (ingatlah peristiwa) ketika Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: "Wahai ayahku! Sesungguhnya Aku mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan; Aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku."

(Surah Yusuf, 12:4)

ʿAdad yang terdapat di dalam ayat tersebut ialah *أحد عشر* dan *maʿdudnya* pula ialah *كوكبا* iaitu *maʿdūdnya* adalah *mufrad* dan *manṣūb* tidaklah pula *dijamaʿkan* perkataan *كوكب* menjadi *كواكب* tetapi itulah yang sering berlakukerana miskonsepsi antara *al-ʿadad al-mufrad* iaitu bilangan 3 hingga 10 dengan *al-ʿadad al-murakkab*.

Selain daripada miskonsepsi pelajar dalam memahami konsep *al-ʿadad al-murakkab*, pelajar juga sering melakukan kesilapan konsep pada *al-ʿadad al-mufrad* yang melibatkan bilangan 3 hingga 10. Kesilapan konsep yang berlaku kepada *al-ʿadad al-mufrad* ialah apabila ʿadad menyalahi *maʿdūd* dari aspek gender *mudhakkar* dan *muannathnya* (Nuha 2005). Jika *maʿdūd mudhakkar* maka ʿadadnya mestilah *muannath*, misalnya tiga orang budak lelaki dan tiga orang budak perempuan *ثلاثة أولاد و ثلاث بنات*. Perkataan *أولاد* adalah *jamaʿ* kepada perkataan *ولد* yang merupakan kata nama tunggal yang *mudhakkar* dan perkataan *بنات* pula merupakan *jamaʿ* kepada perkataan *بنت* yang merupakan kata nama tunggal yang *muannath* (Faruk 2007). Sementara ʿadadnya pula ialah *ثلاثة* iaitu menunjukkan ia adalah *muannath* digandingkan dengan *maʿdud* yang *mudhakkar* iaitu *أولاد*. ʿAdad *ثلاث* pula ialah *mudhakkar* tetapi digandingkan dengan *maʿdūd* yang *muannath* iaitu *بنات*. Kesilapan pelajar ialah apabila membina sesuatu ayat dalam konteks *al-ʿadad al-mufrad*, mereka melihat kepada ʿadad dahulu sama ada ia *mudhakkar* atau *muannath*. Sepatutnya apabila membina ayat yang berbentuk *tahwil* atau tukar, pelajar mestilah melihat kepada *maʿdud* dengan mengenal pasti sama ada *maʿdud* itu *mudhakkar* atau *muannath*. Jika *maʿdudnya mudhakkar*, ʿadadnya adalah *muannath* dan sekiranya *maʿdudnya muannath* maka ʿadadnya adalah *mudhakkar*. Seterusnya barulah *dijamaʿkan maʿdud* tersebut (Mahmud, 2008).

Pelbagai miskonsepsi wujud apabila mempelajari *Ism al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian pendidik bahasa Arab yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran *Ism al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* ini perlu lebih kreatif dan inovatif agar dapat melenyapkan miskonsepsi yang berlaku dalam kalangan pelajar dan memikirkan apakah strategi yang sesuai untuk menanganinya (Nuha, 2005). Pendidik bahasa Arab yang kreatif dan inovatif boleh mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh menarik minat pelajar untuk belajar ilmu nahu, sekaligus merasai keseronokan mempelajari topik nahu yang sukar, tetapi dirasakan mudah oleh pelajar (Jassem, 2000). Berikut merupakan beberapa saranan dan cadangan yang didapati daripada pengkaji bahasa Arab dan pakar pedagogi isi kandungan (PCK) yang boleh diadaptasikan dalam pengajaran *Ism al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* antaranya:

6. Membuat analogi yang mudah dengan persekitaran kehidupan pelajar dan memberikan banyak contoh selain daripada yang ada dalam modul atau buku teks dengan menggunakan ICT (Abu Latifah 2005).
7. Membuat demonstrasi yang sesuai di hadapan pelajar dengan menggunakan sumber-sumber yang terdapat di dalam kelas (Amir Fakhruddin 2000).
8. Mengambil ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith yang terkandung di dalamnya *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* di samping mengambil iktibar daripada al-Quran dan al-Hadith (Baseem Hawamedah 2009)
9. Menjalankan aktiviti berbentuk hiwar antara pendidik bahasa Arab dengan pelajar berkisar tentang *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* (Zabiyyah 2002).
10. Mengulangi konsep-konsep yang terdapat di dalam topik *Ism Al-ʿAdad wa al-Maʿdūd* dengan berbagai-bagai cara agar pelajar mudah memahaminya (Vickie 2007).

11. Sebarang konsep yang diajar perlulah berpindah daripada konsep yang mudah kepada konsep yang lebih kompleks atau yang sukar difahami untuk mengurangkan miskonsepsi pelajar (Vickie 2007).

## RUMUSAN

Pendidik bahasa Arab yang menyampaikan isi kandungan *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd* perlu mempunyai pengetahuan isi kandungan yang luas ditambah pula dengan pengetahuan pedagogi. Dengan gabungan dua pengetahuan tersebut maka wujudlah pengetahuan pedagogikal isi kandungan atau *pedagogical content knowledge* (PCK). Pendidik bahasa Arab yang mempunyai pengetahuan pedagogikal yang tinggi mampu menarik minat para pelajar untuk belajar *Ism Al-Adad wa al-Ma'dūd*. Strategi pengajaran yang menggabungkan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik ditambah pula dengan kreativiti membuat analogi kemudian mengadaptasikan isi kandungan yang ada di dalam teks dengan yang terdapat di persekitaran pelajar akan menghasilkan satu pengajaran yang terbaik dan berkesan.

## RUJUKAN

- Al-Quran dan Terjemahannya. (1418H/1997). Saudi Arabia: Mujamma' al-Malik Fahd li al-Tiba'ah al-Mashaf al-Syarif.
- Abdullah Abbas Nadwi. (1995). *Belajar Mudah Bahasa Al-Quran terjemahan daripada Learn The Language of the Holy Quran*. Jakarta: Penerbit Mizan.
- Ab. Halim Mohamad. (2002). Pembelajaran frasa Bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu: Satu analisis kesalahan. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Lembah Pantai: Universiti Malaya.
- Abu Latifah Al-Raid. (2005). *Muqaranah ma'rifah al-muhtawa al-bidaghujiyyah lada al-mu'allimi al-Tarbiyyah al-Islamiyyah al-jayyidin waghair al-jayyidin fi marhalah al-asasiyyah al-'ulya. Risalah dukturah ghair mansyurah*. Amman Al-Urdun: Al-Jami'ah Amman Al-Arabiyyah li Al-Dirasat Al-'Ulya.
- Ahmad Abd al-Hamid Jadullah. (2001). *al-Wajiz fi al-nahw wa al-sarf*. Misr: Dar al-Tauzi wa al-Nasyr.
- Amir Fakhruddin. (2000). *Turuq al-tadris al-khassah bi al-lughah al-'Arabiyyah wa al-tarbiyah al-Islamiyyah*. Qaherah : 'lam al-Kutub.
- Baharuddin Abdullah. (2003). Penggunaan huruf taukid dalam surah Yasin: satu analisis nahu Arab. Tesis Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik. Lembah Pantai: Universiti Malaya.
- Baseem Hawamedah. (2009). Al-Ma'rifah al-pedaghujiyah lada mu'allimi wa mu'allimat al-lughah al-Arabiyyah : Dirasah Halah Madaris Muhafazoh Jarsh –Al-Urdun. *Majallah 'U-lum insaniyyah. Al-Adad 40 Al-Sanah Al-Sadisah* Al-Urdun: Kulliyah al-'Ulum Al-Tarbawiyah. Al-Urdun: Jami'ah Jarsh Al-Khassah.
- Dayf Syaumi. (1986). *Tajdid al- nahw al-talimi*. Qaherah : Dar al-Manar.
- Faruk Abu Chacra. (2007). *Arabic An Essential Grammar*. New York: Routledge.
- Fuad Ni'mah (1973). *Mulakhas Qawa'id al-Lughah al-'Arabiyyah* . Misr : Nahdhah Misr Li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Hadidi, T. N. (2007). Chaos/Complexity Theory in Second Language Acquisition. *Novitas-ROYAL, (Research on Youth and Language)*, 1(1), 10-17. Atas talian: 22 Jun 2011 :<http://www.novitasroyal.org/tamjid.html>.
- Hamdi Mahmood Abd al-Muttalib. (1998). *Al-Khulasah fi al-'ilm al- Nahw*. Al-Qaherah : Maktabah Ibn Sina.



- Hanizam Muhammad Ghazali. (2005). Al-akhta' al-lughawiyah al-kitabiyyah ladayal-tulab al-Malayuwiyin fi istikhdam al-masdar: dirasah tahliliyyah Thesis Master Of Human Science ( Arabic Luangage ) Kuliyyah of Islamic Revealed knowledge & human science. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Jassem ʿAli Jassem. (2000). *Study on second language laearners of Arabic : An error analysis approach*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Mahmood Ramadhan al-Diki. (2007). *Murakkab al-ʿadad fi al-Arabiyyah: Dirasat tatbiqiyyah ʿala akhta' al-talabah al-natiqin bi ghair al-ʿArabiyyah fi dhau' al-manhaj al-taqabuli. Al-Manar, al-Mujallad 13 al-ʿadada 4*. Al-Urdun: Jami'ah alu Bayt.
- Mohamad Hussin. (2010). Penguasaan *al-ʿadad wa al- maʿdūd* dalam kalangan pelajar.Tesis Master. Universiti Malaya.
- Mohammad Yusof Arshad, Johari Surif, Utahayakumari, Tan Soo Yin dan Dalina Daud. (2002). Kefahaman pelajar mengenai konsep zarah – perbandingan respon pelajar di Malaysia dan pelajar di United Kingdom. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. 8: 8-10.
- Muhammad Bakhit Ali. (1998). Tahlil al-akhta' al-lughawiyah laday tulab Jami'ah Malaya li Maliziyya dirasah wasfiyyah tahliliyyah. Tesis Master, Universiti al-Qahirah: Fakulti Dar al-ʿUlum, Jabatan Ilmu Bahasa dan Pengajian Tinggi dan Timur.
- Muhammad Fahmi Ahmad. (2003). *Qawā'id al-Lughah al-ʿArabiyyah: Tatabahasa Arab*. Edisi Lengkap Jilid 2. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Nagla Ghali. (2007). *Grammar unravelled*. Canada: Fun with Arabic.
- Noorhayati Hashim. (2009). Keberkesanan Kaedah Noor dalam pengajaran dan pembelajaran nahu bahasa Arab. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan. Lembah Pantai: Universiti Malaya.
- Nuha al- Sha'ar. (2005). *Tadris al-ʿadad*. SOAS Language Centre CETL: University of London.
- Vickie R. Ellison. (2007). A preliminary investigation of pedagogical content knowledge and techniques in the teaching of Spanish to native-speakers. *Jurnal of Radical Pedagogy*. Kent: Kent State University.
- Zabiyyah Sai'd, Al-Saliti. (2002). *Tadris al-nahw al-arabi fi dau'i al-ittijahat al-hadithah*. Kaherah : Al-Dar al-Masriyah al-Lubnaniyah.
- Zaliha Musa. (2008). Konsepsi Tentang Jirim Dalam Kalangan Murid Tahun 5 Di Sarawak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Penyelidikan IPTAR 2008*. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Tun Abdul Razak.

## BIODATA PENULIS

**Nurul Huda Hassan** Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, email: nurulhuda2012@gmail.com.

**Nik Mohd Rahimi Nik** (Ass. Prof., Phd) Yusof Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, email: nrahimi@ukm.my.

**Kamarulzaman Abdul Ghani** (Phd) Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, email: elqamar.ghani@gmail.com

**Ashraf Ismail** Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, email: ashrafismail67@yahoo.com.

